

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK**

**KAWASAN : SEREMBAN**

**NO. SOALAN : 309**

YB TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status terkini negara-negara ASEAN dalam memenuhi obligasi pelan tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan adakah benar bahawa negara Thailand dan Indonesia tidak membenarkan penyertaan ekuiti asing melebihi 51 peratus dalam sektor logistik mereka.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Pelan Tindakan AEC merupakan satu pelan tindakan integrasi yang lebih komprehensif. Pelan ini telah diperakukan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan ASEAN pada November 2007. Melalui AEC, ASEAN berhasrat untuk mewujudkan satu pasaran tunggal dan pusat pengeluaran. Komponen AEC merangkumi usaha untuk menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing, kawasan pembangunan ekonomi yang saksama (*equitable economic development*) dan memastikan

ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global. Pelaksanaan pelan ini dibahagikan kepada 4 fasa merangkumi fasa I (2008-2009), fasa II (2010-2011) dan fasa III (2012-2013). Kini ASEAN dalam pelaksanaan fasa terakhir iaitu fasa IV (2014-2015). Kemajuan setakat ini amat memuaskan, secara purata sebanyak 84% langkah-langkah AEC telah tercapai. Malaysia sebagai pengerusi ASEAN mencapai sekurang-kurangnya 90%-95% daripada langkah-langkah AEC yang telah dipersetujui.

Di bawah Perjanjian Rangka Kerja Bidang Perkhidmatan ASEAN (*ASEAN Framework Agreement on Services – AFAS*), negara-negara anggota ASEAN termasuk Indonesia dan Thailand telah memberi komitmen untuk meliberalisasi sehingga 128 sub-sektor perkhidmatan termasuk sektor logistik dengan fleksibiliti menjelang akhir tahun 2015. Di bawah AEC, ASEAN telah bersetuju untuk membenarkan pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% dengan fleksibiliti.

Sehingga bulan Disember 2014, kesemua negara-negara anggota ASEAN telah menawarkan sebanyak 100 sub-sektor perkhidmatan melalui Pakej Kesembilan AFAS. Buat masa ini, Indonesia dan Thailand telah menawarkan aktiviti berikut dalam sektor logistik:

No	Sub-sektor	Tawaran ekuiti di bawah ASEAN	
		Indonesia	Thailand
1.	Perkhidmatan pembungkusan ( <i>Packaging services</i> )	70	49
2.	Perkhidmatan kurier ( <i>Courier services</i> )	49	70
3.	Perkhidmatan pengangkutan maritim ( <i>Maritime freight services</i> )	60	49

4.	Perkhidmatan pengangkutan kereta api ( <i>Rail freight services</i> )	51	-
5.	Perkhidmatan pengangkutan jalan darat ( <i>Road freight services</i> )	49	49
6..	Perkhidmatan pengendalian kargo ( <i>Cargo handling services</i> )	70	49
7.	Perkhidmatan penyimpanan dan gudang ( <i>Storage and warehouse services</i> )	51	49
8.	Perkhidmatan agensi pengangkutan ( <i>Freight transport agency services</i> )	49	49
9.	Perkhidmatan tambahan lain ( <i>Other auxiliary services</i> )	70	70

Proses liberalisasi ini masih berterusan memandangkan masih terdapat beberapa sub-sektor yang masih lagi belum mencapai sasaran (pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70%). Rundingan kini dijalankan bagi memuktamadkan Pakej Kesepuluh AFAS (Pakej Terakhir) dimana negara-negara anggota ASEAN dikehendaki untuk menawarkan sektor-sektor baru untuk diliberalisasikan serta memperbaiki komitmen sedia ada di bawah Pakej ke-9. Namun demikian, Malaysia akan terus mendesak negara-negara ASEAN untuk memenuhi komitmen seperti yang dipersetujui.

Komitmen liberalisasi sektor perkhidmatan ini telah dipersetujui dan tidak boleh ditarik balik oleh mana-mana negara anggota ASEAN termasuk Indonesia dan Thailand. Malaysia akan terus mendesak negara-negara anggota ASEAN untuk memastikan tawarannya adalah selaras dengan komitmen yang dipersetujui.